

REVIU APP

Selepas penggunaan aplikasi pintar untuk proses membayar tempat letak kereta oleh beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pula mengadaptasi kecanggihan teknologi dan menjadi yang pertama di Melaka menggunakan fungsi sama.

Melalui pengenalan aplikasi Smart Parking Melaka, pengguna hanya perlu membayar caj parkir kereta menerusi telefon pintar tanpa mencari mesin bayar atau ejen jualan kupon letak kereta.

Pengguna turut boleh menambah nilai secara dalam talian dengan mendaftar akaun dan nombor kenderaan.

Jika kebiasaannya kita membayar parkir menggunakan duit syiling

atau Touch 'n Go (TnG), kini Smart Parking Melaka membolehkan pembayaran menggunakan kad debit mahupun kad kredit.

Melalui aplikasi itu juga, pengguna dapat membuat penambahan masa sekiranya diperlukan selain akan menerima notifikasi dalam tempoh 15 minit sebelum tamat waktu meletakkan kenderaan bagi mengelak disaman penguat kuasa.

Buat masa ini, kupon tempat meletak kereta sedia ada masih boleh digunakan dalam tempoh tiga bulan dari tempoh tamat kupon terbabit dan saman akan dikeluarkan jika sudah melebihi tempoh ditetapkan PBT.

Smart Parking Melaka boleh digunakan bermula 1 Januari lalu dan anda perlu mendapatkan menerusi platform App Store dan App Store untuk memudahkan urusan berkaitan.

BAYAR CAJ PARKIR MENERUSI TELEFON PINTAR

